

Warta Penerangan

www.information.gov.bn

Edisi Keempat
April 2009

Terbitan Jabatan Penerangan

3rd Information Department - BELTA Oratory Competition

Buat kali ke-3 pada tahun ini, Jabatan Penerangan dan Persatuan Guru-guru Bahasa Inggeris Negara Brunei Darussalam (BELTA) telah menganjurkan Peraduan Pidato (3rd Information Department - BELTA Oratory Competition) berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada 15 April.

Peraduan Pidato dalam bahasa Inggeris itu telah membariskan lapan orang finalis yang dipilih melalui peringkat kelayakan pada 13 Mac lalu. Para finalis merupakan para penuntut yang mewakili sekolah-sekolah menengah dan maktab seluruh negara.

Penuntut dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan, Louisa Lo Mei Hwa telah muncul sebagai juara dengan tajuk pidato 'National Honour Is National Property of The Greatest Value'. Naib juara disandang oleh Nur Syazana Haji Mohd. Fauzi, penuntut James' School, Kuala Belait melalui pidatonya 'The Important of Wisdom and Maturity In The Lives of Youths Today', manakala di tempat ketiga ialah Nuraini Abdul Zabar dari Chung Hwa Middle School, Kuala Belait dengan tajuk pidato 'How Brunei Youths Can Help Eradicate The Culture of Wastage'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

Yang Mulia dalam ucapan beliau berkata, peraduan ini dapat memberikan kesan yang sangat positif terhadap pembangunan dan pembentukan belia hari ini yang merupakan aset sangat berharga dan pemimpin masa depan.

Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapan alu-aluan terdahulu sebelum itu antara lain



Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

melahirkan rasa bangga kerana peraduan pada tahun ini diadakan sempena perayaan 25 tahun Jubli Perak Hari Kebangsaan. Di samping berpeluang mendengar persembahan dua orang pemedato jemputan dari Malaysia, yang merupakan antara atur cara dalam Pertukaran Lawatan Memorandum Persefahaman Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia.

Sebelum Ketua Panel Hakim menyampaikan ulasan, majlis telah diserikan dengan persembahan jemputan dari Malaysia iaitu Puan Norliza Md. Yamin dan Encik Andrew Ghananathan.

Majlis diakhiri dengan



Juara Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 2008, Malaysia, Puan Norliza Md. Yamin ketika menyampaikan pengkisahannya.



Wakil Chung Hwa Middle School yang menjadi juara Peraduan Pidato menerima piala rebutan dari tetamu kehormat, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

penyampaian hadiah kepada para pemenang dan finalis yang bertanding pada hari itu.

Juara pidato menerima Piala Pusingan sumbangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan.

Peraduan Pidato anjuran Jabatan Penerangan - BELTA merupakan projek bersama dan diadakan sebagai projek tahunan bermula pada tahun 2007 untuk mencungkil bakat para belia remaja di sekolah-sekolah dan maktab agar lebih berkeyakinan untuk menyampaikan ucapan di khalayak ramai, khususnya dalam bahasa Inggeris.



Antara jemputan yang hadir terdiri daripada ketua-ketua bahagian Jabatan Penerangan dan ahli-ahli BELTA.

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr Hj Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md Salleh
Nor Ajjiah Mohammad
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi

&

Audio Visual

Bahagian Perhubungan Awam

Bahagian Berita Inggeris

&

Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Pada bulan ini Jabatan Penerangan menjadi tumpuan pelawat-pelawat iaitu dari kalangan guru-guru, penuntut-penuntut sekolah dan juga dari masyarakat kampung. Setentunya perkara ini merupakan satu fenomena yang sangat baik kerana ianya menunjukkan adanya minat dan kefahaman orang ramai terhadap peranan dan perkhidmatan jabatan. Kunjungan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Penerangan adalah besar ertinya bagi warga Penerangan. Di samping dapat bersua muka, ini merupakan peluang bagi pegawai dan kakitangan untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat dengan pegawai kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, jabatan juga bergiat cergas memberikan bantuan tenaga dalam pelaksanaan Bengkel Kewartawanan Sekolah Menengah Menglait, Gadong, Bengkel Penulisan Surat Berita (Newsletter) Jabatan Perkhidmatan Elektirk dan bekerjasama dengan Persatuan Guru-Guru Bahasa Ingeris Brunei (BELTA) dalam Peraduan Pidato kali ke-3. Peraduan Pidato kali ini juga memperlihatkan persembahan pidato dari Malaysia yang telah diundang di bawah Memorandum Persefahaman antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di bidang Penerangan. Seterusnya, jabatan ini terus berusaha menyusur kampung dan daerah untuk menyebarkan maklumat-maklumat dari pihak kerajaan untuk keperluan rakyat dan penduduk negara ini.

Apa jua bentuk aktiviti dan penglibatan semua warga, yang penting adalah kerjasama yang erat, komitmen dan bekerja dalam satu pasukan yang merupakan tunjang penting dalam keberhasilan sesuatu tugas dan kerja dan merupakan faktor kejayaan bagi sebuah organisasi.

Wassalam .

DR. HAJI MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG
Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- 3 rd Information Department - BELTA Oratory Competition	1
- Kunjungan Timbalan Setiausaha Tetap, JPM	
- Perbarisan Pertama Bersama Pengarah Penerangan Baru	
- Lawatan Peserta Bengkel Kewartawanan	3
- Bengkel Penulisan Surat Berita (Newsletter)	4
- Lawatan Isteri-isteri Penghulu dan Ketua Kampung Daerah Brunei-Muara	
- Lawatan Pegawai dan Guru-guru Unit Ko-Kurikulum dan Pelajaran Lanjutan	5
- Penempatan Di Bahagian Seni Lukis & Grafik di DBP	
- Majlis Doa Selamat	6
- MRO Bertugas	
- Lawatan Muhibah Majlis Perundingan Kampung Labi I	7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009	
- Lawatan Majlis Perundingan Kampung Keriam, Daerah Tutong	
- Selamat Hari Lahir	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Kunjungan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri



Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Tuan Saiful Bahri bin Haji Awang Mansur mengadakan kunjungan ke Jabatan Penerangan pada 16 April. Antara bahagian-bahagian yang beliau lawati ialah Pelita Brunei dan Berita Inggeris dan Media IT.

Perkumpulan Pertama Bersama Pengarah Penerangan Baru



Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan yang baru ketika memberi ucapan semasa perkumpulan pertama bersama beliau. Perkumpulan tersebut merupakan aktiviti mingguan jabatan ini yang rutinnya diadakan pada setiap hari Isnin.

Peserta Bengkel Kewartawanan lawat Jabatan Penerangan

Seramai 21 orang peserta Bengkel Kewartawanan terdiri daripada penuntut-penuntut Menengah Tiga, Empat dan Lima Sekolah Menengah Menglait telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 11 April.

Rombongan yang terdiri daripada empat orang guru pengiring serta para penuntut tersebut telah dibawa melawat ke Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Perkhidmatan Media, Mini Perpustakaan, Pelita Brunei, Berita Inggeris dan Media IT dan Hal Ehwal Antarabangsa.

Setiap bahagian yang terdapat dalam jabatan ini mempunyai tugas dan fungsinya yang tersendiri dan melalui lawatan ke bahagian-bahagian tersebut akan memberi kesempatan kepada rombongan pelawat melihat secara lebih dekat *modus operandi* bahagian yang berkenaan sebagai mendukung misi Jabatan Penerangan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Selesai meninjau ke bahagian-bahagian tersebut, rombongan juga



Para peserta diberikan taklimat sebelum meneruskan sesi lawatan.

berkesempatan mengadakan sesi ramah mesra dan dialog bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai kanan jabatan.

Lawatan ini merupakan lanjutan Bengkel Kewartawanan anjuran Sekolah Menengah Menglait yang diadakan pada 9 April yang juga telah mengundang Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, Pegawai Penerangan untuk



Para peserta dibawa melawat ke Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

memberikan taklimat kepada para peserta bengkel.

Melalui lawatan ini juga, para peserta akan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai peranan dan fungsi jabatan sebagai 'lidah' dan 'mulut' kerajaan untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

Bengkel Penulisan Surat Berita (Newsletter)

Seramai 21 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengikuti Bengkel Penulisan Surat Berita (Newsletter) anjuran bersama Jabatan Penerangan melalui Bahagian Berita Inggeris & Media IT, Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan & Tugas Khas dan Bahagian Pengurusan, Perkembangan Kapisiti & Tugas-tugas Khas dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Bengkel telah diadakan pada 19 - 21 Mei bertempat di Bilik Pusat Media, Jabatan Penerangan.

Sepanjang tiga hari bengkel ini diadakan para peserta telah didedahkan dengan teknik-teknik penulisan, kepentingan proses penyuntingan, penyemakan dan penterjemahan serta teknik asas Adobe Photoshop dan juga rekaletak menggunakan Adobe InDesign.

Para peserta juga diberikan kefahaman bahawa menerbitkan sebuah *Newsletter* bukan sahaja melibatkan rekaletak, malahan para peserta juga didedahkan kepada pentingnya proses penyuntingan, penyemakan dan pemilihan gambar yang betul.

Para peserta secara berkumpulan telah diminta untuk menerbitkan sebuah *Newsletter* kumpulan masing-masing.

Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan II selaku Ketua Penyelaras Bengkel menyatakan bahawa perkembangan positif telah dipaparkan oleh para peserta bengkel. Mereka telah berjaya



Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Ketua Bahagian Berita Inggeris dan Media IT selaku Ketua Penyelaras Bengkel memberikan komen dan ulasan hasil kerja kumpulan-kumpulan peserta bengkel.



Awang Musa bin Mohiddin dari Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas memberikan taklimat mengenai teknik-teknik penulisan surat berita.



Antara tenaga pengajar yang memberikan taklimat khusus mengikut bidang masing-masing antaranya teknik asas Adobe Photoshop, Adobe InDesign, penterjemahan dan penyemakan.

menunjukkan kreativiti dan potensi masing-masing untuk menerbitkan sebuah *newsletter*.

Beliau juga berharap dengan adanya bengkel seumpama ini adalah dihasratkan akan dapat membantu para peserta dalam menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasaran melalui media seperti *Newsletter* khususnya dalam usaha untuk memantapkan perhubungan awam

jabatan di antara pegawai dan kakitangan serta orang awam.

Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong telah merasmikan penutupan bengkel dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta.

Bengkel juga turut disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



Setiap kumpulan tekun mempraktikkan pelajaran yang telah diajarkan oleh cikgu-cikgu mereka. Kelihatan Cikgu Hajah Zaianit memberi tunjuk ajar kepada para peserta.



Setiap kumpulan diminta memberikan penerangan dan mempersembahkan hasil kerja masing-masing.



Lawatan Isteri-isteri Penghulu dan Ketua Kampung Daerah Brunei-Muara

Jabatan Penerangan sekali lagi telah menerima kunjungan pelawat pada 18 April. Kali ini rombongan pelawat terdiri daripada 46 orang isteri para Penghulu dan Ketua Kampung Daerah Brunei-Muara yang diketuai oleh Datin Hajah Rupiah binti Haji Hussain, isteri Pegawai Daerah Brunei-Muara.

Lawatan tersebut merupakan antara jadual rancangan aktiviti lawatan mereka yang telah disusun oleh Bahagian Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Rombongan pelawat telah diberikan taklimat mengenai 'Sistem Pentadbiran Negara' yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pegawai Penerangan.

Para pelawat juga berpeluang mengadakan sesi ramah mesra dan soal jawab bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan para pegawai kanan jabatan.

Para isteri Penghulu dan Ketua Kampung ketika mendengar taklimat sebelum memulakan lawatan ke bahagian-bahagian jabatan ini.



Diberikan penerangan mengenai fungsi dan peranan dalam Bahagian Fotografi dan Audio Visual .

Sebelum menamatkan lawatan, isteri-isteri Penghulu dan Ketua Kampung Daerah Brunei-Muara juga dibawa melawat ke Bahagian Penerbitan; Laporan Tahunan dan Tugas Khas; Pelita Brunei; Berita Inggeris dan Media IT; Fotografi dan

Audio Visual dan Mini Perpustakaan untuk mengetahui dan melihat secara lebih dekat peranan dan fungsi serta tugas bahagian-bahagian tersebut sebagai mendukung misi Jabatan Penerangan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Lawatan Pegawai Dan Guru-guru Unit Ko-Kurikulum dan Pelajaran Lanjutan JPI

Seramai 19 orang pegawai dan guru Unit Ko-Kurikulum dan Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada hari Sabtu, 4 April.

Rombongan pelawat diketuai oleh Awang Haji Said bin Abas. Para pelawat telah diberikan taklimat mengenai Struktur Organisasi dan Perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan, Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Am, Penyelidikan dan Pusat Sumber.

Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapan alu-aluannya di sesi ramah mesra telah melahirkan terima kasih atas kesudian rombongan melawat ke jabatan ini.

Dr. Muhammad Hadi juga menekankan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB) harus disemai di kalangan generasi muda



Diberikan taklimat sebelum meneruskan sesi lawatan ke bahagian-bahagian jabatan ini.

sebagaimana hasrat pemimpin dan raja yang dikasihi dan Pelita Online boleh dijadikan sumber bagi para pelawat yang terdiri dari pegawai dan guru-guru untuk mendidik anak bangsa.

Menurut Pengarah Penerangan lagi, Wawasan Negara 2035 juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya, yang antara lain sasaran utamanya ialah sifar kemiskinan bagi rakyat dan penduduk negara ini menjelang tahun 2035.

Beberapa orang wakil rombongan juga sempat mengutarakan soalan-soalan antaranya mengenai Bengkel

Penulisan dan Fotografi, koleksi gambar di Galeri Infofoto, Kursus Sivik, peranan Jabatan Penerangan dalam menangani kejadian bencana alam dan tanah susur dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab jabatan sebagai sebuah agensi kerajaan.

Seterusnya para pelawat dibawa melawat ke Bahagian Berita Inggeris dan Media IT; Pelita Brunei; Fotografi dan Audio Visual dan Mini Perpustakaan jabatan untuk meninjau dengan lebih dekat lagi peranan dan fungsi bahagian-bahagian tersebut.

Penempatan Di Bahagian Seni Lukis dan Grafik di DBP

Awang Alihasan bin Haji Kalong, Pembantu Pegawai Luar di Bahagian Pameran telah diarturkan untuk penempatan di Bahagian Seni Lukis dan Grafik, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam selama empat hari mulai 20 April 2009.

Tujuan penempatan adalah untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan khusus dalam bidang seni lukis dan grafik yang akan membantu meningkatkan mutu kerja harian beliau.

Menurut beliau penempatan ini telah memberi peluang untuk mempelajari beberapa perkara seperti: Penggunaan *Photoshop*, *Floor Plan* pameran, pembuatan *Billboard*, *Banner*, *Digital Print*



Awang Alihasan khusyuk mendengar penerangan oleh salah seorang tenaga pengajar Dewan Bahasa dan Pustaka.

System, penggunaan huruf jawi, pendekatan kepada *layer properties*, *system RGB*, *CMYK*, *layer arrange* dan peraturan dalam rekaletak.

Disebabkan banyak perkara yang dipelajari, jangka masa empat hari adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian di masa akan datang

penempatan seumpama ini perlu dipanjangkan sekurang-kurangnya dua minggu. Walau bagaimanapun bengkel ini mendapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan.

Berita dan gambar sumbangan: Bahagian Pameran

Majlis Doa Selamat Bagi Pegawai Yang Akan Bersara

Majlis Doa Selamat bagi Awang Ismail bin Muhammad, Pegawai Penerangan Kanan telah diadakan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar pada 1 April.

Majlis pada pagi itu dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dari keempat-empat daerah sempena hari terakhir Awang Ismail berkhidmat. Beliau akan memulakan cuti sebelum bersara mulai 2 April hingga 6 Jun dan seterusnya akan bersara pada 7 Jun tahun ini.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dalam ucapan alu-aluannya bagi pihak semua warga Penerangan, merakamkan ucapan terima kasih kepada Awang Ismail sepanjang beliau berkhidmat di jabatan ini selama lebih 28 tahun.

Dedikasi dan komitmen yang telah diberikan terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan akan menjadi ristaan dan kenangan bagi semua para pegawai dan kakitangan dalam menandai hasrat 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Manakala dalam ucapan balasnya, Awang Ismail telah mengongsikan pengalaman beliau sepanjang dalam perkhidmatan, sama ada semasa era sebelum merdeka atau selepas merdeka. Beliau juga melahirkan kesudian dan kesediaan membantu apa jua projek jabatan jika diperlukan, terutama



Menyampaikan ucapan dan nasihat berdasarkan pengalaman beliau, sesuatu yang tidak ternilai harganya.

yang bersangkutan hal-ehwal kemasyarakatan.

Awang Ismail juga memohon ampun dan maaf kepada semua warga Penerangan jika terdapat salah dan silap sama ada dari segi perkataan atau perbuatan sepanjang perkhidmatan beliau di jabatan ini.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kenangan kepada pegawai yang akan bersara oleh Pemangku Pengarah, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri.



Suasana meriah menikmati jamuan bersama rakan-rakan setugas.



Bergambar ramai untuk kenang-kenangan bersama jelitawan-jelitawan Jabatan Penerangan.



Bercuti Sebelum Bersara

Pegawai Penerangan Kanan, Awang Ismail bin Mohammad telah memulakan cuti sebelum bersara mulai 2 April hingga 6 Jun selama 66 hari.

Awang Ismail akan bersara pada 7 Jun tahun ini.

Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan April

Media Relations Officer (MRO) merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bila mana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta kerabat diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira waktu siang atau malam.



MRO bergambar kenangan semasa bertugas di Majlis Penanaman Padi dan pengisytiharan nama baru beras tempatan.

10 April	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke luar negeri.
27 April	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Majlis Penanaman Padi dan pengisytiharan nama baru beras tempatan.
29 April	Menyambut ketibaan Perdana Menteri Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Majlis Mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Majlis Santap Malam meraikan Perdana Menteri Malaysia.
30 April	Keberangkatan balik Perdana Menteri Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas .

Lawatan Muhibah Majlis Perundingan Kampong Labi 1

Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong (MPK) Labi 1 telah mengadakan lawatan muhibah ke Jabatan Penerangan pada 25 April.

Rombongan seramai 14 orang itu diketuai oleh Ketua Kampung selaku Pengerusi MPK Labi 1, Awang Hanafi bin Mohd. Siput.

Rombongan diberikan taklimat mengenai Program-program Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah disampaikan oleh Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Rombongan pelawat juga berkesempatan mengadakan sesi soal jawab bersama Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai kanan jabatan. Pengarah Penerangan juga telah berkesudian menyampaikan cenderahati kepada ketua rombongan, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Sebelum mengakhiri lawatan, para pelawat telah dibawa meninjau ke



Awang Musa bin Mohiddin memberikan penerangan mengenai fungsi dan peranan Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas.

Bahagian Antarabangsa; Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas; Pelita Brunei; Berita Inggeris dan Media IT; Fotografi dan Audio Visual dan Mini Perpustakaan untuk mengetahui dan meninjau lebih dekat lagi tugas dan fungsi bahagian-bahagian tersebut.

Lawatan ahli-ahli MPK Labi 1 ini merupakan sebahagian daripada projek MPK berkenaan dan di sebelah pagi hari yang sama, mereka telah melawat ke Jabatan Radio Televisyen Brunei di Bandar Seri Begawan.

Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009

Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 diteruskan lagi bagi bulan Mac dengan tema 'Kereta' yang ditutup penyertaannya pada 15 April.

Bagi Kategori Jurugambar, Awang Masri bin Osman telah menjuarainya melalui gambar 'VW Beetle'. Manakala Awang Samle bin Haji Jait telah memenangi peraduan ini melalui gambar 'Cuci Kereta' bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.

Peraduan ini akan diteruskan lagi bagi bulan April dan merupakan bulan terakhir bagi memilih pemenang keseluruhan bagi tahun 2008 -2009 dengan tema 'Foto Terbaik Saya - My Best Shot'. Gambar yang akan dihantar untuk menyertai

peraduan mestilah yang belum pernah dipertandingkan sebelum ini dan penyertaannya akan ditutup pada 15 Mei.

Keputusan Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 akan diumumkan pada bulan Jun.



Gambar 'VW Beetle' oleh Awang Masri bin Osman yang memenangi peraduan bagi Kategori Jurugambar.



Gambar 'Cuci Kereta' yang menjuarai Kategori Pegawai dan Kakitangan oleh Awang Samle bin Haji Jait.

Selamat Hari Lahir

Ah Chua bin Bangau	4 April
Dayang Timah binti OKB Haji Ali	5 April
Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad	5 April
Dayang Mariana binti Jais	9 April
Awang Haji Yussof bin Haji Ladi	10 April
Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor/Morshidi	10 April
Dayang Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman	10 April
Awang Mahmud bin Ibrahim	11 April
Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul Karim	20 April
Awang Abdullah bin Haji Awang Damit	29 April

Lawatan Majlis Perundingan Kampong Keriam, Daerah Tutong



Ahli Majlis Perundingan Kampong Keriam bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan.



Para peserta diberikan taklimat mengenai tugas dan peranan Bahagian Berita Inggeris dan Media IT oleh Pembantu Akhbar, Dayang Noorhijrah binti Haji Idris, semasa melawat ke bahagian tersebut.



Penolong Penyunting Tingkat II, Awang Samle bin Haji Jait memberi taklimat mengenai tugas dan peranan Bahagian Pelita Brunei.